

U 8798 A A B
HAHATHIR - KOMUNIS R' R' R'

KUALA LUMPUR, 2 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA RAKYAT SUPAYA TERUS BERWASPADA DAN SENSITIF TERHADAP PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENCETUSKAN KEADAAN YANG BERKEMUNGKINAN MENGANCAM KESTABILAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM, AGAMA DAN KEBUDAYAAN, MALAYSIA AKAN TERUS TERDEDAH KEPADA ANCAMAN-ANCAMAN KESEKAMATAN BERPUNCA DARIPADA KEADAAN DAN CORAK HIDUP MASYARAKAT YANG ADA.

KERAJAAN, KATA BELIAU, MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMASTIKAN KEADAAN KETENTERAMAN AWAM DAN KESELAMATAN NEGARA TERUS TERJAMIN MELALUI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN DALAM SATU KENYATAAN AKHBAR SEMPENA UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIAN PERDAMAIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) YANG DIHARAMKAN DI HAADYAI, THAILAND, HARI INI. DENGAN TERMETERAINYA PERJANJIAN ITU, PKM MENAMATKAN KEGIATAN BERSENJATANYA YANG TELAH BERLARUTAN SELAMA 41 TAHUN.

PERDANA MENTERI BERKATA, DENGAN ADANYA PERJANJIAN TERSEBUT, KERAJAAN BERHARAP BERAKHIRLAH ANCAMAN TERHADAP KESELAMATAN NEGARA DARI PUNCA INI.

KATANYA, KERAJAAN KINI BOLEH MENUMPUKAN SEGALA USAHA DAN TENAGANYA KE ARAH MEMBANGUNKAN EKONOMI DAN TARAF HIDUP RAKYAT DENGAN LEBIH PESAT LAGI, KHUSUSNYA BAGI KAWASAN-KAWASAN YANG SELAMA INI TIDAK DIBERI TUMPUAN SEWAJARNYA DIOEBABKAN KEGIATAN BERSENJATA PKM.

- - LAGI
1325MST 02 12 89
U 8803 A A B

HAHATHIR - KOMUNIS 2 KUALA LUMPUR R' R' R'

BELIAU MENEGASKAN TERMETERAINYA PERJANJIAN HARI INI BAGAIMANAPUN TIDAK MENGUBAH KEDUDUKAN PKM.

+DARIPADA SEGI UNDANG-UNDANG, IA MASIH DIHARAMKAN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, KEJAYAAN KERAJAAN MENGATASI KEGIATAN BERSENJATA PKM ADALAH BUKTI KELUHURAN PERLEMBAGAAN NEGARA YANG MENJADI ASAS PEMERINTAHAN NEGARA YANG BERCORAK DEMOKRASI SERTA RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN PEMBENTUKAN KEHIDUPAN SEBUAH MASYARAKAT BERBILANG KAUM, AGAMA DAN KEBUDAYAAN, BERASASKAN NILAI-NILAI KESEDERHANAAN, TOLERANSI, TIMBANGRASA DAN SALING BERSEFAHAMAN.

+PERLEMBAGAAN NEGARA TIDAK MERESTUI CORAK HIDUP ATAU SEBARANG BENTUK FAHAMAN ATAU IDEOLOGI YANG MELAMPAUI BATAS-BATAS INI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TERCAPAINYA PERSETUJUAN PERDAMAIAN DAN KEAMANAN ITU ADALAH HASIL DARIPADA KAJIAN DAN PENILAIAN OLEH KERAJAAN BAHAWA KEADAAN DAN SUASANA SEKARANG SANGAT SESUAI UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH KEGIATAN BERSENJATA PKM SECARA DAMAI.

IA JUGA HASIL DARIPADA KERJASAMA YANG ERAT YANG TELAH SEDIA TERJALIN ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND KHUSUSNYA DARIPADA SEGI KESELAMATAN.

+BAGI KITA RAKYAT MALAYSIA, SESUNGGUHNYA KEJAYAAN INI ADALAH HASIL DARIPADA KETABAHAN, SUMBANGAN DAN PENGORBANAN OLEH SEMUA PIHAK, TERUTAMA ANGGOTA-ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAN IAITU TENTERA DAN POLIS,+ KATA BELIAU.

- - LAGI
1352MST 02 12 89

U 8806 AAB
MAHATHIR - KOMUNIS 3 KUALA LUMPUR ৯'৯'৯'

+TIDAK KETINGGALAN JUGA AGENSI-AGENCI KERAJAAN YANG LAIN DAN RAKYAT JELATA AMNYA YANG TELAH BERSAMA-SAMA MEMBANTU KERAJAAN MENGATASI MASALAH INI.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA PERANAN BESAR YANG DIMAINKAN OLEH ORANG AWAM PADA AWAL DARURAT DAHULU MELALUI PERKHIDMATAN KAWALAN KAMPUNG DAN POLIS KHAS.

KATANYA, JASA MEREKA YANG TIDAK TERNILAI TETAP DIHARGAI OLEH NEGARA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, KERAJAAN SEDAR BAHAWA DI SARAWAK SEKARANG MASIH ADA LAGI SEBILANGAN-KECIL ANASIR KOMUNIS DARIPADA PARTI KOMUNIS KALIMANTAN UTARA.

KERAJAAN BERHARAP DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH INI DALAM MASA YANG SESINGKAT-SINGKATNYA. -- BERNAMA

1405MST 0 2 12 8 9